

BERITA HARIAN

DATE: 1/ 1 / 2010

Lebih ramai fasilitator bukan Melayu di BTN

Langkah perbaiki kursus selaras konsep 1 Malaysia: PM

Oleh Johari Ibrahim
joib@bharian.com.my

PUTRAJAYA: Kerajaan akan cuba mendapatkan khidmat lebih ramai fasilitator bukan Melayu di Biro Tata Negara (BTN) selain memperbaiki kursus berkenaan supaya selaras dengan konsep, falsafah serta prinsip asas 1Malaysia, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata, kerajaan berharap fasilitator bukan Melayu akan menyahut pelawaan itu secara sukarela kerana sebelum ini agak sukar untuk mendapatkan campuran pelbagai kaum untuk mengisi pelbagai jawatan dalam organisasi kerajaan.

"Kursus itu akan diperbaiki dan pada masa sama, kita akan cuba mendapatkan le-

bih ramai fasilitator bukan Melayu (dalam BTN) dan saya harap mereka secara sukarela (memohon) kerana masalah kita ialah sukar mendapatkan campuran kaum yang baik untuk mengisi pelbagai jawatan dalam organisasi kerajaan.

"Saya harap lebih ramai kaum bukan Melayu akan menyahut pelawaan ini," katanya dalam rakaman video yang disiarkan dalam blognya www.1Malaysia.com.my yang dimuat naik kelmarin.

Najib berkata, BTN diwujudkan untuk menanam sifat komited dan patriotik di kalangan rakyat dan organisasi itu sudah melaksanakan tanggungjawabnya dengan baik selama ini.

"Malangnya, mungkin ada segelintir fasilitator, tidak ramai, tetapi sesetengahnya

yang terlalu bersemangat dan tersalah menghantar mesej mengenai niat kerajaan.

"Untuk membetulkan perkara ini, saya sudah mengarahkan kursus dilihat semula dalam lingkungan konsep 1Malaysia, falsafah 1Malaysia dan prinsip asas 1Malaysia," katanya.

Perdana Menteri memberi reaksi kepada komen pengunjung blog itu, Abishegam, agar fasilitator BTN perlu daripada pelbagai kaum dan menggambarkan komposisi penduduk.

Pada 12 Disember lalu, Najib dilaporkan mahu semua pihak termasuk menteri kabinetnya tidak lagi memanjangkan polemik berkaitan BTN, sebaliknya beliau sendiri akan menilai dan memutuskan modul BTN itu kelak.

Menjawab soalan pengun-

jung lain mengenai kemudahan prasarana di kawasan pedalaman Sabah, Najib berkata kerajaan komited menerusi inisiatif Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) untuk membina jalan luar bandar sepanjang keseluruhan 1,500 kilometer di Sabah dan Sarawak menjelang 2012.

"Ini satu sasaran yang sudah tentu akan memberi faedah kepada begitu ramai penduduk Sabah dan Sarawak," katanya.

Bagi bekalan elektrik pula, katanya, kerajaan menyasarkan liputan ditingkatkan daripada 80 peratus kepada 95 peratus pada 2012 manakala air bersih akan disalurkan kepada 90 peratus bilangan isi rumah di Sabah dan Sarawak berbanding 62 peratus pada masa ini.